

sumbangan.com
Memudahkan Kebaikan

CARA UNTUK MENDAPATKAN
DOA MUSTAJAB



ANTARA TERTIB BERDOA YANG BERPOTENSI MENDAPAT PERKENAN ALLAH IALAH:



01

Bertaubat kepada Allah S.W.T terlebih dahulu atas segala kesalahan yang telah dilakukan. Boleh mengerjakan solat sunat taubat dan disusuli dengan beristighfar.



02


Lakukan solat-solat sunat seperti solat tasbih, solat tahajud dan witir sebelum berdoa



03

03

Tadah tangan ke arah kiblat sambil menghadirkan rasa ikhlas di dalam hati dan bersungguh-sungguh untuk memohon hajat ke hadrat Allah S.W.T



04

04
Mulakan doa dengan bertasbih seperti Alhamdulillah atau menyebut nama-nama Allah yang agung. Kemudian berselawat ke atas Rasulullah S.A.W



05

05
Lafazkan permohonan anda dengan rasa rendah diri dan suara yang sederhana kuat.

06

Berdoalah dengan sepenuh hati.
Tanamkan keyakinan dan pengharapan bahawa Allah akan memakbulkan doa anda itu.



07

Disarankan mengulang-ulang doa tersebut sebanyak tiga kali.



08

Akhiri doa dengan memohon keselamatan hidup di dunia dan akhirat, diikuti selawat ke atas Rasulullah s.a.w dan memuji Allah S.W.T

ANTARA WAKTU-WAKTU YANG MUSTAJAB UNTUK BERDOA ADALAH

Sepanjang bulan
RAMADAN
terutamanya
LAILATUL QADAR

1/3 MALAM iaitu
daripada waktu
TENGAH MALAM
sehingga **WAKTU FAJAR**

Pada hari **WUKUF di**
ARAFAH

Sepanjang hari
JUMAAT.

Ada pendapat ulama'
mengatakan hanya satu
waktu sahaja dalam hari
Jumaat yang doanya
dimakbulkan oleh Allah.

MALAM dua hari
raya iaitu Hari
Raya **AIDILFITRI**
dan **AIDILADHA**

Setiap kali
SELEPAS SOLAT
FARDHU

Waktu antara
AZAN dan **IQAMAT**

Ketika **SUJUD** dalam
SOLAT FARDHU

SELEPAS solat
ASAR